

UM121108-500 hektar bakau ditanam

Oleh ABDUL RAZAK DIN

TAIPING 11 Nov. - Sebanyak 500 hektar pokok paya bakau dan spesies yang sesuai akan ditanam setiap tahun untuk memulihara dan melindungi kawasan hutan di pesisiran pantai di negara ini.

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Seri Azhar Muda berkata, sehingga kini sebanyak 1,258 hektar kawasan pesisiran pantai negara telah ditanam dengan 3.35 juta pokok bakau minyak, bakau kurap, api-api , bintangor laut, rhu pantai, kelat jambu laut, ketapang dan spesies pokok yang lain.

"Kita dapati pokok bakau merupakan benteng paling kukuh untuk menangkis malapetaka selain daripada menjadi punca ekonomi dan mengindahkan sesuatu kawasan," katanya kepada pemberita di majlis kempen kesedaran pemuliharaan hutan pesisiran pantai negara 2008 di tapak ecopelajaran Kuala Sepetang, Taiping, semalam.



Azhar Muda (depan, dua dari kiri) dan Mahmud Morsidi (kanan) bersama 100 pelajar sekolah sekitar Taiping menanam pokok bakau pada majlis pelancaran kempen kesedaran pemuliharaan hutan pesisiran pantai negara di tapak ecopelajaran Kuala Sepetang, Taiping, semalam.

- Gambar MOHD NAJIB MOHD NOR

Pelancaran kempen pemuliharaan hutan bakau itu dilakukan oleh Pegawai Daerah Larut, Matang dan Selama, Datuk Mahmud Morsidi.

Perak dipilih sebagai pelancaran kempen kesedaran pemuliharaan hutan pesisiran pantai negara dengan 100 pelajar dipilih mewakili beberapa buah sekolah menengah di negeri ini.

Katanya, dari segi negeri-negeri pula, Kedah telah menanam sebanyak 811,696 pokok, Sabah 777,828 pokok, Perak 464,275, Johor 320,069, Sarawak 228,740, Selangor 201,290, Kelantan 134,782, Pulau Pinang 132,669, Negeri Sembilan dan Melaka 95,516 Perlis 72,804 pokok, Pahang 41,084 dan Terengganu 26,427 pokok.

"Pada tahun ini sahaja sebanyak 1.29 juta pokok seluas 576.2 hektar telah ditanam berbanding 1.051 juta pokok seluas 398 hektar ditanam sepanjang tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, dalam program pemuliharaan hutan pesisiran pantai ini kerajaan memperuntukkan sebanyak RM40 juta sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan.

"Proses pemuliharaan hutan ini bukanlah murah kerana pihaknya membelanjakan sebanyak RM6 sepokok untuk memastikan pokok-pokok bakau berkenaan hidup subur.

"Oleh itu kita meminta semua pihak supaya tidak menceroboh kawasan-kawasan bakau yang telah ditanam semula ini untuk menjaga pantai-pantai di negara ini," katanya.

Menurutnya, jika kawasan ini diceroboh ia akan menganggu ekosistem di kawasan tersebut.